

bah

Mahathir - Chile

MALAYSIA MUNGKIN ADAKAN USAHASAMA PASANG PROTON DI CHILE

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Malaysia mungkin memikirkan cara-cara mengadakan usahasama memasang kereta Proton di Chile atau menggunakan bahan dari negara itu untuk kereta nasional, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Kereta-kereta itu boleh dieksport dari Chile ke beberapa negara yang mempunyai perjanjian penghapusan cukai dengan negara itu, katanya kepada pemberita selepas menghantar pulang Presiden Chile Patricio Aylwin Azocar di Lapangan Terbang Antarabangsa di Subang.

Ketika menjawab soalan pemberita mengenai kemungkinan Malaysia mengeksport Proton ke Chile, Perdana Menteri berkata beberapa perkara perlu diheri perhatian.

+Yang pertamanya, mereka menggunakan kereta yang sterangnya di sebelah kiri sedangkan kita di sebelah kanan, jadi kita perlu keluarkan kereta yang mempunyai stereng di sebelah kiri.

+Yang keduanya kita perlu faham sistem cukai di negara itu supaya kereta kita dapat diimport ke Chile dengan harga yang berpatutan, + kata Dr Mahathir. -- Lagi.

♥13/11/14-24MST

CNS3601

R GB 13-11 00149 BA577

b a h

Mahathir - Chile 2 Kuala Lumpur

Beliau juga berkata Malaysia sudah mula melahur di Chile dalam bidang-bidang yang negara mempunyai pengetahuan terutama perlombongan.

Chile terkenal sebagai pengeluar tembaga terbesar dan mempunyai banyak tempat yang mengeluarkan emas aluvial, katanya.

Malaysia, yang mempunyai pengetahuan dalam pengeluaran bijih timah, mungkin mengadakan usahasama dengan Chile dalam pengeluaran emas.

Dr Mahathir berkata lawatan Presiden Aylwin akan lebih merapatkan hubungan dagangan dan diplomatik antara kedua-dua negara.

+Di samping itu Asean juga akan diheritahu tentang perlunya mengadakan rundingan dan perjumpaan dengan Kumpulan Rio iaitu satu kumpulan negara-negara Amerika Latin, + katanya.

Lawatan itu membolehkan Presiden Aylwin dan rombongan melihat banyak peluang perniagaan di Malaysia yang pada mulanya tidak mereka sangka terdapat di negara ini, kata beliau.

Mereka juga melihat beberapa kemudahan seperti penyelidikan minyak sawit dan pengeluaran kereta Proton, katanya. -- Lagi.

♥13/11/14-25MST

CNS3602

R GB 13-11 00087 BA578

bah

Mahathir - Chile 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata Presiden itu begitu kagum dengan peluang dan kemudahan di Malaysia sehingga memberi arahan kepada wakil perniagaan Chile supaya datang ke Malaysia ketika melawat rantau ini.

Para perniagaan Chile sehingga ini menumpu kepada Taiwan, Hong Kong dan Jepun jika melawat rantau di sebelah Timur, katanya.

+Mereka sudah bersejua untuk menyertai SITTDEC iaitu sistem mengumpul data maklumat berkenaan ekonomi negara-negara membangun yang berpusat di Malaysia, + katanya. -- Bernama

♥13/11/14-26MST